

Kiraan Denggi
Jan - 23 April

Jangkitan **15,535**

Kematian **26**

Maklumat belum dikemaskini oleh
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS)
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke-13 2014

muka 4-5



17 - 23 JUN 2014

Jalan Yong Shook Lin,
Pusat Bandar Seksyen 52,
Petaling Jaya, Selangor

www.mbpj.gov.my | 03-7956 3544

Selangor buat persediaan awal hadapi musim kering Mei - Sept

SHAH ALAM - Dua langkah pantas melibatkan pelbagai agensi Kerajaan Negeri digerakkan sebagai persediaan menghadapi musim kering yang dijangka berlarutan hingga akhir September tahun ini.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata dua langkah itu, iaitu penerokaan kolam-kolam bekas lombong serta pengimportan teknologi pembenihan awam canggih dari Thailand dijangka dapat menghasilkan air mentah kira-kira 1,000 juta liter sehari.

"Jika petunjuk pelaksanaan adalah positif dalam tempoh seminggu, Kerajaan Negeri bersedia untuk mengkaji semula keputusan catuan air," jelas beliau dalam satu kenyataan baru-baru ini.


Sementara itu, Kerajaan Negeri juga berharap tiada pihak memanipulasi keadaan ini kerana kekurangan air disebabkan faktor cuaca manakala hujan yang diterima belum cukup untuk menambah kapasiti air di empangan.

Menurut Abdul Khalid, air di Selangor hanya mampu bertahan 29 hari jika catuan tidak dilakukan.



MEMBACA JAMBATAN ILMU... Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bersama pimpinan Kerajaan Negeri dan Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Mastura Muhamad bersama anak-anak Sek. Keb. Batu Tiga di majlis perasmian 'Jom Membaca 10 Minit'. Gambar oleh Asri Sapfie

Bersambung di muka 2 >>



PROGRAM KHAS MESRA RAKYAT (PKMR) ke Daerah Klang

oleh
**Y.A.B. TAN SRI DATO' SERI
ABDUL KHALID BIN IBRAHIM**
Dato' Menteri Besar Selangor

**Jumaat
25 April
2014**

ACARA	TEMPAT	MASA
Perhimpunan Bulanan Jabatan Kerajaan Daerah Klang	Dewan Serbaguna Pejabat Daerah/ Tanah Klang	7.30 pagi - 9.30 pagi
Sesi bersama Rakyat	Dewan Hamzah Majlis Perbandaran Klang (MPK)	8.00 pagi - 12.30 t/hari
Solat Jumaat bersama rakyat	Masjid Kg Uda Pelabuhan Klang	1.00 t/hari - 2.30 petang
Sukan bersama rakyat	Kompleks Sukan Pandamaran Klang	3.00 petang - 5.30 petang
Malam Kesenian dan Kebudayaan	Dewan Majlis Perbandaran Klang (MPK) Pekan Meru, Klang	8.30 malam - 10.30 malam



selangorku

Selangor peruntuk RM10 juta pam air ke Sungai Selangor

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menjangkakan program catuan air dapat ditamatkan lebih awal sekiranya kerja mengepam air dari bekas lombong sekitar Lembangan Sungai Selangor ke Sungai Selangor berjaya menambah kapasiti air sehingga 43 peratus.

Bagi tujuan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor telah meluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi membina infrastruktur bagi kerja-kerja

“

Kapasiti pam mampu mengepam air 50 juta liter sehari. Setiap saat ada pengiraannya dan akan beroperasi selama 10 jam sehari

KHALID IBRAHIM
Menteri Besar

mengepam air, 23 April lepas.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata peruntukan ini termasuk membiayai pembelian 10 pam berkeupayaan tinggi untuk kesan maksima.

“Dulu kita berpendapat mesti naik sehingga 50 peratus barulah catuan boleh dilepaskan tetapi sekarang oleh kerana kita mempunyai sumber bukan sahaja dari empangan, kalau naik dari 39 peratus hingga 42 atau 43 peratus kita boleh hentikan catuan air.

“Kapasiti pam mampu mengepam air 50 juta liter sehari. Setiap saat ada pengiraannya dan akan beroperasi selama 10 jam sehari,” kata Abdul Khalid sejurus selesai Mesyuarat Exco Kerajaan Selangor.

Katanya lagi, air akan dipam daripada sembilan buah lombong simpanan di sekitar Sungai Selangor.

“Lombong-lombong ini dahulunya bekas lombong timah tetapi sudah lebih 20 tahun tak beroperasi. Memang Kerajaan Negeri simpan lombong

ini,” tambah beliau lagi.

Infrastruktur serta pam ini juga boleh digunakan bagi mengepam air Sungai Selangor ke kolam takungan apabila paras air mencapai paras normal sebagai persediaan menghadapi musim kering yang diramal berlaku antara akhir Mei sehingga September tahun ini.

Ujar Abdul Khalid lagi, Kerajaan Negeri akan mengadakan sidang media setiap dua hari untuk memaklumkan perkembangan semasa bekalan air mentah bermula Jumaat ini.

<< Dari Muka Hadapan

Semua agensi berganding bahu

“Kita amat berharap rakyat memahami situasi ini dan menyokong usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam menghadapi persediaan menghadapi musim kering yang dijangka lebih teruk dan berlanjutan,” kata beliau.

PENEROKAAN SUMBER ALTERNATIF

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan kerjasama

Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KKSB) sedang giat meneroka kolam-kolam bekas lombong di kawasan lembangan bagi tujuan mengepam air ke sungai sekaligus menambah jumlah aliran air.

Abdul Khalid berkata penerokaan ditumpukan di lembangan Sungai Selangor, selepas empangan berhampiran masih berada di paras kritikal.

“Dengan cara ini, pelepasan

air dari Empangan Sungai Selangor dapat dikurangkan dan air di empangan mampu bertahan lama,” jelas beliau.

Statistik LUAS memaklumkan lima daripada lapan empangan di Selangor mencatatkan jumlah takungan melebihi paras minimum 55 peratus. Hanya tiga empangan iaitu Sungai Selangor, Langat dan Klang Gates belum capai paras untuk membolehkan catuan air ditamatkan. (lihat jadual 1)

Serentak dengan itu, LUAS dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengepam air takungan hujan dan disimpan di kolam-kolam di sekitar Sungai Selangor untuk kegunaan musim kering nanti.

Tambah Abdul Khalid, Kerajaan Negeri juga mengkaji untuk meneroka sumber air bawah tanah yang berpotensi menghasilkan air mentah sehingga 400 JLH sementara menunggu projek Hybrid off River Augmentation System (HORAS) siap Julai tahun hadapan.

TEKNOLOGI PEMBENIHAN AWAN CANGGIH

Disamping itu, LUAS juga diarah untuk mengimport teknologi pembenihan awam



4 KAEDAH PENTING Teknologi Pembenihan Awan Thailand

- 1 Mengaktifkan gerombolan awan menggunakan serbuk bahan higroskopik (cth natrium klorida)
- 2 Merangsang percambahan awan melalui pemencaran inti bahan eksoterma-higroskopik (cth kalsium klorida) untuk menghasilkan 'updraft' sekaligus menguja penyatuan titis-titis air dalam awam
- 3 Menggerakkan awan dari kawasan lapang atau sebalik banjaran ke kawasan sasaran melalui manipulasi kaedah II
- 4 'Menyerang' bahagian atas dan bawah awan dengan menembak bahan higroskopik (cth natrium klorida) dan kimia endoterma-higroskopik (cth urea) dengan serentak. Awan yang sarat dengan air akhirnya akan menjadi matang, dan turun sebagai hujan.

yang canggih daripada Kerajaan Thailand.

Teknologi ini, menurut Abdul Khalid, akan membantu pihak berkuasa memahami mengapa usaha pembenihan awan yang telah dilaksanakan gagal menghasilkan hujan di kawasan-kawasan empangan.

“Keputusan ini dibuat selepas mesyuarat 21 April bersama LUAS, JPS, Jabatan Meteorologi Malaysia, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Suruhanjaya Perkhid-

matan Air Negara (SPAN) serta empat syarikat konsesi,” jelas beliau.

Teknologi itu telah membantu Thailand mengharungi musim kemarau yang teruk pada tahun 2000 dan 2005. Kerajaan Negeri berharap “Royal Rainmaking Technology” yang dihasilkan Raja Siam Bhumibol Adulyadej itu mampu mendapatkan hujan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu di lokasi-lokasi yang dikehendaki.

Jadual 1
MAKLUMAT EMPANGAN (23 April 2014)

Tarikh/Masa	Stesen	Paras Air (m)	Takungan		Hujan (mm)**
			Mm ³	%	
23-04 08:00 am	Batu	99.41	25.19	78.81	0.00
23-04 08:00 am	Klang Gates	90.02	13.78	54.40	5.50
23-04 08:00 am	Kolam Takungan Sg. Labu (ORS)	38.90	6.83	76.73	5.00
23-04 08:00 am	Langat	212.06	17.71	51.95	6.30
23-04 07:00 am	Semenyih	106.57	43.99	74.47	33.50
23-04 08:00 am	Sg Selangor	191.30	89.63	38.97	7.72
23-04 08:00 am	Sg Tinggi	53.19	71.11	62.11	13.00
23-04 08:00 am	Tasik Subang	37.60	3.57	84.92	31.00

** Merujuk kepada data pada hari sebelumnya

FOMCA, FAM: Cepatkan penstrukturan air

OLEH NORHAYATI UMOR

PETALING JAYA - Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna (FOMCA) dan Forum Air Malaysia (FAM) mahu penstrukturan semula industri air di Selangor dilaksanakan dalam tempoh 12 bulan.

Mereka turut membidas sikap konsesi yang cuba melengah-lengahkan proses penstrukturan itu, kerana menjejaskan kepentingan pengguna.

"Kita ada dengar laporan media bahawa salah satu syarikat pembekal air di negeri Selangor berkemungkinan akan mengambil tindakan undang-undang. Ini adalah salah satu contoh insiden di Selangor yang boleh menjejaskan lagi proses penstrukturan semula industri air itu," kata Setiausaha Agung FAM, N Ratna Devi dalam sidang media di Bangunan SKPPK, Sungai Wei baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Datuk Paul Selva Rajdan Timbalan Setiausaha Agung FOMCA, Foon Weng Lian.



Penstrukturan semula industri air perlu dipercepatkan demi kepentingan rakyat

Mereka bersetuju bahawa pengguna tidak seharusnya dibebankan dengan pengurusan bekalan air yang tidak cekap, serta tidakupayaan pihak bertanggungjawab membekalkan sumber air yang cukup.

Justeru, FOMCA menggesa semua pihak yang terbabit dalam rundingan

penstrukturan air supaya mengeneipkan kepentingan politik demi rakyat.

"Apa yang penting adalah rakyat. Kepentingan rakyat perlu diutamakan namun ia tidak digambarkan oleh setengah pihak dalam hal ini," tegas Paul Selva.

Isu Bible perlu diselesaikan mengikut lunas undang-undang

SHAH ALAM - Mendapatkan pengesahan undang-undang daripada Pejabat Peguam Negara merupakan langkah terbaik untuk menyelesaikan isu sekitar pengambilan kitab-kitab Bible berbahasa Melayu, supaya perkara ini dapat ditangani secara muktamad.

Exco Sallehin Mukhyi berkata penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) berhubung samada keberadaan kitab-kitab itu bercanggah dengan undang-undang sedia ada perlu didengari, manakala Exco Elizabeth Wong (*gambar*) menjelaskan Kerajaan Negeri perlu memastikan semua keperluan undang-undang dipenuhi sebelum membuat keputusan.

"Kita perlu menulis kepada Peguam Negara untuk mengenalpasti keadaan ini dan mereka yang menyarankan supaya kitab-kitab itu disimpan, dan dikembalikan selepas siasatan selesai dijalankan atau kes ditutup," kata Elizabeth, memetik laporan Malay Mail.

Sejak isu ini berbangkit, Elizabeth menghubungi Pejabat Peguam Negara, manakala Sallehin sentiasa berhubung dengan pihak KDN. Kerajaan Negeri juga menyarankan Pertubuhan Bible Malaysia (BSM) supaya mendapatkan



penjelasan daripada Peguam Negara, namun saranan itu ditolak mentah.

BSM juga mengambil keputusan untuk berpindah ke Wilayah Persekutuan untuk berada di bawah perlindungan Putrajaya. Menurut satu kenyataan, BSM akan mengimpor bible berbahasa Melayu melalui Pulau Pinang yang tidak mempunyai enakmen khas melarang penyebaran agama bukan Islam kepada penganut agama Islam.

Beberapa wakil rakyat Pakatan Rakyat mencadangkan enakmen itu dipinda, beserta pengkhususan untuk melindungi penganut agama Islam. Exco Teng Chang Khim menjawab Kerajaan Negeri

tidak berhasrat untuk mengubah enakmen sedia ada.

"Sekiranya mereka mahu meminda enakmen itu, mereka boleh berbuat demikian melalui usul peribadi. Di pihak Kerajaan Negeri, kita tidak merancang untuk berbuat demikian," jelasnya.

Seorang penulis, Stephen Ng berpendapat BSM sewajarnya menulis surat seperti yang disaran Kerajaan Negeri kerana tafsiran Perlembagaan Persekutuan oleh Peguam Negara boleh menyelesaikan isu ini dengan baik.

Beliau berpendapat tanpa jaminan daripada Peguam Negara, pemindahan BSM ke mana-mana negeri sekalipun tidak menyelesaikan isu hak golongan minoriti mengamalkan ajaran agama mereka.

"Di bawah sistem Raja Berperlembagaan, tiada seorang pun, termasuk Sultan atau Ketua Menteri atau Menteri Besar, mengatasi Perlembagaan Persekutuan.

"Dalam beberapa kejadian, kita dapat lihat kes ditutup selepas Pejabat Peguam Negara menyerahkan semula kes kepada polis atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia," jelas beliau dalam siri sumbangannya kepada Free Malaysia Today.

Negeri Sembilan disaran bagi air percuma

SHAH ALAM - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menyarankan Kerajaan Negeri Sembilan mencontohhi corak pentadbiran Kerajaan Selangor dengan memberikan air percuma 20 meter padu kepada rakyat.

"Memandangkan kita tidak mahu membeli air yang ditawarkan, saya cadangkan agar beliau memberi air secara percuma kepada rakyat negeri Sembilan.

Jelasnya lagi, tawaran dibuat terlalu sedikit berbanding dengan keperluan keseluruhan Selangor yang mana ia memerlukan sebanyak 100,000 juta gelen air sehari selain kos pengendalian urusan pembelian air tinggi.

"Kita cukup air di kawasan Langkat tetapi tidak cukup di Empangan Selangor di Kuala Kubu Baru (KKB), jadi kalau nak bawa air dari Negeri Sembilan ke sana agak jauh dan kos juga tinggi.

"Jumlah air yang ditawarkan juga cuma lima peratus dari penyelesaian masalah," katanya dalam satu sidang media seusai perasmian program 'Jom Membaca 10 Minit' di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam.

Industri Selangor dijangka kembang 6.5 peratus

SHAH ALAM - Sektor perindustrian Selangor dijangka terus menjadi penyumbang terbesar sektor perindustrian di Malaysia berbanding negeri-negeri lain.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Pembangunan Kampung Baharu dan Pemutihan Kilang Haram, Ean Yong Hian Wah berkata, bagi 2014, sektor perindustrian dijangka tumbuh antara 6 hingga 6.5 peratus.

"Dari segi nilai, sektor perindustrian meningkat daripada RM 51 juta pada tahun 2008 kepada RM 68.2 juta pada tahun 2013," katanya.

Ean Yong menjelaskan sumbangan sektor industri kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Selangor adalah sekitar 37 peratus sejak 2008.

Sektor perindustrian merupakan penyumbang kedua terbesar kepada KDNK dan pertumbuhan ekonomi negeri selepas sektor perkhidmatan.

"Dari segi pertumbuhan tahunan, sektor perindustrian tumbuh pada kadar 6.2 peratus pada tahun lepas berbanding 2012," katanya.

Catuan Air: Antara kempen politik dan usaha realistik

Ketika banyak negeri lain termasuk Johor dan Perak menegenakan catuan air kepada penduduk, hanya Selangor yang menjadi tumpuan dan sasaran media tempatan.



Selangorkini
EDITORIAL

Sedangkan Empangan Selangor yang membekal 60 peratus keperluan air penduduk di negeri ini tidak mengalami hujan.

Bagaimanapun, kerajaan Selangor sudahpun memulakan langkah bagi memastikan bekalan air terus mencukupi, meskipun terpaksa dicatu.

Ia termasuk mengepam air dari bekas lombong, menyediakan RM10 juta bagi membina infrastruktur kerja itu, selain membeli 10 pam berkeupayaan tinggi.

Usaha mengimport teknologi pembenihan awan dari kerajaan Thailand juga dilakukan bagi memahami punca usaha pembenihan awan gagal menghasilkan hujan di kawasan empangan.

Untuk jangka panjang pula, Pelaksanaan projek Hybrid Off River Augmentation System (Horas) bakal meningkatkan bekalan air sebanyak dua kali ganda.

Sebaliknya, jika catuan ditamatkan seperti kehendak banyak pihak, bekalan air hanya bertahan 29 hari sahaja sedangkan kita menghadapi musim kering antara Mei hingga September depan.

Benarlah kata pepatah, manusia sekadar merancang, hanya tuhan menentukan.

Ketua Pengarang

Malah, ia dijadikan modal politik dari Umno Barisan Nasional (BN) yang sekian lama terkial-kial cuba mencari salah pentadbiran negeri.

Pimpinan sesama parti juga mengambil kesempatan melontar pandangan negatif dengan menjadikan isu air sebagai 'baju hujan' bagi mempertahankan jawatan dalam parti.

Segelintir pemimpin Pakatan Rakyat juga bersuara, barangkali menerima salah maklumat atau tidak mengetahui kedudukan sebenar secara terperinci.

Benar, hujan lebat kebelakangan ini - sekaligus membungkakan harapan penduduk untuk menamatkan catuan sambil membayangkan kolam takungan penuh serta-merta.

Tidak semudah itu. Hujan tidak semestinya penyelesaian muktamad. Bukan manusia yang mengatur di mana kedudukan hujan, di mana tidak.

Adun Damansara, Yeo Bee Yin sendiri mengakui taburan hujan tidak berlaku di kawasan tadahan air, menyebabkan hanya sebahagian kolam takungan meningkat paras airnya.

Pengalaman Abdul Khalid cetus kejayaan

EXCO Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Kim memberi kepercayaan penuh terhadap kepimpinan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim untuk menerajui Kerajaan Negeri Selangor.

Menurut Teng, pengalaman luas dan panjang Abdul Khalid dalam pentadbiran korporat amat berharga dan perlu dipindahkan bagi mengangkat kualiti pemerintahan negeri.

"Kami memberi kepercayaan penuh kepada kepimpinan Abdul Khalid dalam urusan pentadbiran. Selangor bertuah kerana mempunyai seorang pemimpin yang terbukti

berwibawa dalam hal ehwal pengurusan.

"Tindakannya mengambilalih saham Guthrie di Bursa Saham London pada 1981 ketika berkhidmat di Permodalan Nasional Berhad (PNB) amat penting. Ia memerlukan strategi dan kepakaran, dan ia kini menjadi rekod sejarah membanggakan yang penting untuk negara," katanya ketika sesi penggulungan dalam Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) baru-baru ini.

Sebelum menceburi politik, Abdul Khalid dikenali sebagai tokoh korporat cemerlang yang pernah mengetuai PNB dan Guth-



LAPORAN OLEH
NAZLI IBRAHIM, AFEeqA AFEERA,
NORHAYATI UMOR, LIZAWATI MADFA
FOTO OLEH
REMY ARIFFIN, ASRI SAPPFIE
& SHUAIB AYOB

rie Sdn Bhd. Nama Abdul Khalid melonjak naik berikutan pelbagai kejayaan diraihinya.

Teng berkata, Selangor akan terus mencatat pelbagai kejayaan di bawah kepimpinan Abdul Khalid seperti dibuktikan beliau sejak 2008.

"Saya percaya Abdul Khalid mempunyai kepakaran yang sangat diperlukan di Selangor. Saya berharap pimpinan Pakatan Rakyat di bawah Abdul Khalid akan terus mencapai kejayaan di tahun-tahun mendatang," katanya.



Laksana kajian keperluan sektor industri

KERAJAAN Negeri menjalankan kajian khusus bagi mengenal pasti keperluan dan permintaan warga industri di Selangor.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Pembangunan Kampung Baharu dan Pemutihan Kilang Haram, Ean Yong Hian Wah berkata, kajian dijalankan Selangor State Investment Centre Berhad (SSIC) dengan kerjasama Monash University Malaysia.

Dengan adanya kajian itu, Kerajaan Negeri berupaya memahami isu dan kekangan warga industri di Selangor secara lebih mendalam.

"Kita memberi kebenaran kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) menggunakan sebahagian peruntukan MARRIS bagi menyelesaikan masalah

jalan dan longkang di kawasan industri.

"PBT boleh mengemukakan permohonan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) setiap tahun untuk mendapatkan peruntukan khas menaik taraf infrastruktur di kawasan industri," katanya sewaktu penggulungan usul Penyata JP-ABAS berkenaan SSIC.

Terdahulu, perbincangan usul berkenaan disertai Yeo Bee Yin (PR-Damansara Utama), Lau Weng San (PR-Kampung Tunku) dan Ng Sze Han (PR-Kinrara).

Ean Yong juga bersetuju untuk mengadakan satu pelan tindakan (blueprint) menentukan arah pembangunan industri.

"Ini adalah masa sesuai supaya SSIC boleh mengguna-



kan sumber yang terhad dengan lebih berkesan dan fokus dalam usaha mempromosikan Selangor sebagai destinasi pelaburan," katanya lagi.

SSIC merupakan sebuah agensi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab menarik dan memberi perkhidmatan kepada pelabur-pelabur di negeri ini.

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin
Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafiih Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin: ayu_tvs@yahoo.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sappie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com

201 pangsapuri terlibat rundingan air percuma

SEBANYAK 201 pangsapuri terbabit dalam rundingan pelaksanaan Skim Penyelesaian Migrasi Meter Air Individu (PERMAI) untuk menikmati pemberian 20 meter padu air percuma.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad, berkata daripada jumlah itu 44 kawasan sudah berjaya diselesaikan di bawah skim berkenaan.

Ia dikendalikan sepenuhnya sebuah jawatankuasa khas yang ditubuhkan pada Jun 2012 antara Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bersama Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS).

“Mesyuarat diadakan secara berjadual supaya pemaju badan pengurusan bersama (JMB) atau perbadanan pengurusan dapat diberi khidmat nasihat



secara terus dan tepat daripada SYABAS berkenaan mekanisme pelaksanaan migrasi meter air individu khususnya bagi pangsapuri bukan kos rendah,” jelas Iskandar, menjawab pertanyaan Halimatun Saadiah

Bohan (BN-Kota Damansara).

Sebelum ini Kerajaan Negeri menawarkan Skim Laporan & Dapat serta Kupon Air bagi membolehkan warga pangsapuri menikmati 20 meter padu air percuma.



Dalam pada itu, Kerajaan Negeri berhasrat mengurangkan kuota 80 peratus unit rumah yang wajib didiami yang ditetapkan SYABAS kepada 50 peratus sahaja bagi melayakkan sesebuah pangsapuri itu menyertai skim berkenaan.

“SYABAS menetapkan 80 peratus konsep daripada penduduk pangsapuri boleh dilakukan migrasi (meter pukal kepada individu) tetapi Kerajaan Negeri akan meminta SYABAS mempertimbangkan supaya kuota itu dikurangkan kepada 50 peratus,” katanya.

RM650,000 setahun laksana perkhidmatan bas percuma

SEJUMLAH RM650,000 setahun diperuntukkan untuk menyediakan perkhidmatan bas percuma untuk rakyat, jelas Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Teng Chang Khim.

Chang Khim menjelaskan perbelanjaan dari peruntukan itu juga berbeza dan disesuaikan mengikut konsep yang dilaksanakan Pihak Berkausa Tempatan.

Katanya, setiap PBT boleh memilih sama ada melaksanakan inisiatif berkenaan dengan cara pembelian bas atau penyewaan secara kontrak dengan penyedia perkhidmatan bas sedia ada.

“Kerajaan Negeri dan PBT perlu penelitian rapi kerana usaha ini membabitkan perbelanjaan tinggi daripada segi kos dan pelaburan.

“Anggaran perbelanjaan merangkumi proses menyediakan bas iaitu secara pembelian atau penyewaan termasuk kos samping lain seperti kos pengurusan dan penyelenggaraan,” katanya..

Sehingga kini, hanya dua PBT yang melaksanakan perkhidmatan bas komuniti iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

“Sementara itu, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) sudah selesai melakukan kajian untuk tujuan pelaksanaan program berkenaan.

“Untuk MPSJ, mereka kini menanti kelulusan pihak berkuasa sebelum melaksanakan program yang akan diluaskan secara berperingkat,” katanya.



Kerosakan Flat MPK Pandamaran akan dibaiki

KERAJAAN Negeri akan membaiki kerosakan yang berlaku di Flat Majlis Perbandaran Klang (MPK) di Pandamaran melalui Skim Bantuan Baik Pulih Harta Bersama Bagi Pangsapuri (CERIA).

Katanya, flat berkenaan akan dibaikpulih menggunakan peruntukan fasa kedua CERIA berjumlah RM13 juta.

“Apabila habis RM13 juta ini kita akan mohon untuk ditambah peruntukan itu

untuk baik pulih pangsapuri seterusnya,” katanya.

Sementara itu, ketika mengulas berkenaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Selangor, Iskandar berkata, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan untuk membina kediaman jenis berkenaan pada skala besar.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan rumah untuk disewa

melalui pembelian rumah mampu milik yang dibina pemaju.

“Kerajaan Negeri akan membeli kediaman yang dibina Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan bakal dijadikan rumah untuk disewa.

“Setakat ini, empat kawasan memiliki PPR iaitu di Kota Damansara, Lembah Subang, Kampung Baru Hicom dan Serendah membabitkan 5436 unit,” katanya.

Bawa industri ke desa bantu tingkat ekonomi

SEKTOR perindustrian khas akan ditempatkan di kawasan luar bandar seperti di Sabak Bernam dan Sekinchan, dalam usaha melonjakkan ekonomi luar bandar.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata strategi itu diharap membuka banyak peluang kepada belia desa tanpa perlu berhijrah ke kawasan bandar.

Menurutnya pengusaha dan pengilang memberi reaksi positif kepada rancangan pembangunan prasarana yang dibuat tanpa menjejaskan sektor asal seperti penanaman padi.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan rancangan untuk melengkapkan kediaman petani desa dengan kelengkapan seperti generator untuk menambah produktiviti.

Pasar moden Taman Sri Muda RM23juta

KERAJAAN Negeri meluluskan peruntukan berjumlah RM23 juta untuk pembinaan pasar moden baru di Taman Sri Muda.

Pembinaan itu perlu selepas pasar sedia-ada rosak akibat kebakaran yang berpunca dari litar pintas.

Kira-kira 48 unit kedai rosak dalam kejadian itu.

Pembinaan dijangka siap pada tahun 2016. Pasar sedia-ada memuatkan 150 peniaga.

Amaran terakhir untuk pemilik kilang haram

KERAJAAN Negeri dalam peringkat akhir kajian menilai keengganan pemilik tanah menyertai program pemutihan kilang haram.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Pembangunan Kampung Baru dan Pemutihan Kilang Haram, Ean Yong Hian Wah, berkata kajian dijangka siap selewat-lewatnya hujung bulan ini.

“Jika tempoh pemutihan tamat, kilang yang gagal akan diambil tindakan penguatkuasaan di bawah undang-undang pentadbir tanah dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Selain itu, kita juga memberi insentif dan kelonggaran kepada pemilik kilang haram dengan mudah cara program pemutihan,” katanya.



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KENYATAAN

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
1	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-322/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN 1, 2, 3, 4, 5 DAN 6, JALAN KEMENSAH HEIGHT, JALAN L2, L3 DAN L4, TAMAN KEMENSAH HEIGHT, HULU KELANG, SELANGOR.				
2	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-323/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN 2, JALAN 3, JALAN 4, JALAN 4A, JALAN 4B, JALAN 4C, JALAN 4D, JALAN 4E, JALAN 4G, JALAN 4J, JALAN 4K, JALAN 5, JALAN 6, JALAN 7, JALAN 8 DAN JALAN 10, TAMAN AMPANG JAYA, AMPANG, SELANGOR.			MULAI : 30/04/2014 (RABU) JAM : 2.30 PETANG	
3	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-324/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN GRANDVIEW, JALAN ANGGERIK, JALAN MAWAR, JALAN MELUR, JALAN CEMPAKA, JALAN DAHLIA, JALAN KENANGA, JALAN TERATAI, JALAN DEDAP, JALAN KANTAN, TAMAN UDA JAYA DAN JALAN WIRA 1, JALAN WIRA 2, JALAN WIRA 3, JALAN WIRA 4, TAMAN PERWIRA, AMPANG, SELANGOR.	KOD BIDANG BARU : BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G3 & KATEGORI CE & PENGKUSUSAN CE01 & CE21 & PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) OLEH CIDB & SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & BERDAFTAR DENGAN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)	Taklimat dan Lawatan tapak. (Kehadiran adalah diwajibkan) TAKLIMAT: TARIKH : 30/4/2014 (RABU) MASA : 10.30pagi TEMPAT : AUDITORIUM, ARAS 5, MPAJ LAWATAN TAPAK: Akan diberitahu pada masa taklimat dijalankan Nota: Dokumen tender hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja.	MULAI : 30/04/2014 (RABU) JAM : 2.30 PETANG Bahagian Ukur Bahan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Tingkat 16 Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100, Kuala Lumpur Nota: Petender dihendaki membawa Sijil Pendaftaran ASAL :	TARIKH TUTUP : 14/05/2014 (RABU) Aras 4 Menara MPAJ Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100, Kuala Lumpur
4	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-325/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DENGAN KAEDAH "MILL & PAVE" SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN CHERAS HARTAMAS, TAMAN CHERAS HARTAMAS, AMPANG, SELANGOR .				
5	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-326/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN TERATAI 1/1 JALAN 1/2, JALAN 1/2H, JALAN TERATAI 2/1, JALAN TERATAI 2/2, JALAN TERATAI 2/3, JALAN TERATAI 2/4, JALAN TERATAI 2/7, JALAN TERATAI 2/7A, JALAN TERATAI 2/7B, JALAN TERATAI 2/7C, JALAN TERATAI 2/7D DAN JALAN TERATAI 2/7G, TAMAN BUKIT TERATAI, AMPANG, SELANGOR .				
6	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-327/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN DAGANG, JALAN DAGANG 1A, JALAN DAGANG 2, JALAN DAGANG 3, JALAN DAGANG 4, JALAN DAGANG 5, JALAN DAGANG 6, JALAN DAGANG 7, JALAN DAGANG 9, JALAN DAGANG 11, LORONG DAGANG 3A, LORONG DAGANG 9, LORONG DAGANG 9A, LORONG DAGANG 11A, JALAN HALAMAN 3A, TAMAN DAGANG JAYA, AMPANG SELANGOR.				
7	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-328/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN KOSAS 2/1, JALAN KOSAS 2/2, JALAN KOSAS 2/3, JALAN KOSAS 2/4, JALAN KOSAS 2/5, JALAN KOSAS 2/6, JALAN KOSAS 2/7, JALAN KOSAS 2/8, JALAN KOSAS 2/9, JALAN KOSAS 2/10, JALAN KOSAS 2/11 DAN JALAN KOSAS 2/13, TAMAN KOSAS, AMPANG, SELANGOR.				

- i) Setiap dokumen tender dijual dengan harga **RM 100.00**. Wang pembayaran tidak akan dikembalikan
- ii) Dokumen Meja Tawaran dipamerkan mulai **30 APRIL 2014** di Bahagian Ukur Bahan Tingkat 16, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah Selangor 55100 Kuala Lumpur pada waktu pejabat.
- iii) Bayaran dalam bentuk Wang Tunai / Deraf Bank di buat atas nama **YANG DI PERTUA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**.
- iv) Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT YANG DILEKATKAN ATAU DIGAM** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera di atas.
- v) Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- vi) Wakil yang hadir ke lawatan tapak, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat
- vii) Petender diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak.
- xi) Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **14 MEI 2014**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-4296 8092, 03-4296 3695 dan 03-42974424.

Disediakan oleh:
(FAUZIAH BINTI JAAFAR)
Penolong Jurukur Bahan
Bahagian Ukur Bahan,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disahkan oleh:
(MASTURA BINTI ISHAK)
Ketua Bahagian
Bahagian Ukur Bahan,
b/p. Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

BELASUNGKAWA

SELANGORKINI merakamkan ucapan takziah buat keluarga dan pemergian Pegawai Perhubungan Awam dan Korporat Media Selangorku, Allahyarham Mansor Abu Bakar yang merupakan satu kehilangan besar buat unit penerbitan.



Allahyarham yang lebih mesra dipanggil DJ Mansor merupakan antara kakitangan awal bertugas di Media Selangorku ketika ditubuhkan sekitar 2009.

DJ Mansor merupakan pengacara buat rancangan Apa Khabar Selangor (2009-2010), Radio Web Selangor (2011) dan tenaga utama rancangan Salam Selangor.

Beliau juga merupakan tenaga pengajar kepada bakat-bakat baru yang ingin menceburi bidang pengacaraan.

"Pengukuhan identiti syarikat ini secara langsung adalah hasil kerja keras beliau. DJ Mansor merupakan tulang belakang utama yang telah mengajar ramai kakitangan di sini," jelas Ketua Pengarang Selangorku Fazal-

lah Pit.

Allahyarham menghembuskan nafas terakhir pada 19 April lalu pada 10.20 pagi selepas mengalami komplikasi kesihatan jantung, darah tinggi dan paru-paru.

Jenazahnya dikebumikan di Tanah Perkuburan Kampung Delek.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menerusi laman Twitter miliknya turut merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Mansor.

"Takziah kepada keluarga DJ Mansor yang telah meninggal dunia. Moga roh beliau tenang di sana," kata Abdul Khalid.

Al-Fatihah...

Selangor belanja RM9 juta biaya 4,795 usahawan MiMBAR

LEBIH ramai wanita menerima manfaat daripada Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) berbanding lelaki, menurut data dari Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor.

Selepas mengemaskini maklumat yang diterima, jumlah sebenar permohonan yang diluluskan adalah 5,767 permohonan yang bernilai RM11,520,700. Fakta ini membetulkan laporan Selangor Kini minggu lalu, iaitu MiMBAR telah memberi pinjaman kepada 5,767 penerima dengan jumlah pembiayaan keseluruhan sebanyak RM11,520,700.

"Sehingga Januari 2014, MiMBAR Selangor telah meluluskan 5,767 permohonan

bernilai RM11,520,700. Berdasarkan jumlah permohonan yang ditawarkan itu seramai 4,795 telah bersetuju dan menerima tawaran yang melibatkan pembiayaan sebanyak RM9,594,978," jelas Pengerusi Perhubungan Awam MiMBAR Selangor, Hafizatulakma Othman.

Hakikatnya MiMBAR antara salah satu dari pelbagai program pro-rakyat Kerajaan Negeri Selangor. Sekiranya anda berminat menyertai barisan usahawan MiMBAR, anda boleh memohon di: www.mimbarselangor.com atau talian 03-55413616. Anda juga boleh berkunjung ke Pusat Khidmat Masyarakat Pakatan Rakyat di kawasan masing-masing.

Unisel: penyamar ada motif tertentu

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Pihak pengurusan Universiti Selangor (Unisel) membantah keras tindakan segerombolan pelajar sebuah universiti tanahair yang menyamar sebagai pelajar Unisel dan berdemo di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAS).

Pengurus Komunikasi Korporat Unisel, Hasril Abu Hassan berkata perilaku gerombolan itu menyembunyikan motif tertentu.

Selangor Kini difahamkan pihak Unisel masih mempertimbangkan tindakan susulan, dan berharap insiden seperti itu tidak berulang.

“Tindakan menghantar surat tunjuk sebab kepada IPTA itu masih dipertimbangkan.

“Unisel mengambil pendekatan untuk tidak mahu memanjakan isu dan menganggap ia sudah berakhir,” jelasnya.

Pada 16 April lalu, kira-kira 20 pelajar dari Universiti Malaya (UM) yang menggelarkan diri sebagai Bebas 2.0 berhimpun di depan pintu masuk Bangunan SSAS sewaktu sidang Dewan Undangan Negeri berlangsung.

Gerombolan tersebut mengesa Kerajaan Selangor memulakan pelaksanaan kebebasan akademik dan juga pendidikan percuma dengan menjadikan Unisel sebagai perintis.

Hasril berkata Unisel sentiasa membuka ruang kepada pelajarannya berkumpul menyuarakan pandangan mereka.

“Unisel membuka ruang untuk pelajar berdemonstrasi dan siri demonstrasi yang dilakukan di dalam kampus sebelum ini tiada satu pun tindakan dikenakan keatas mereka. Bahkan Unisel menentang keras pelaksanaan AUKU.



Malah isu pendidikan percuma tidak dibangkit pelajar ketika wacana itu diadakan. Yuran pembelajaran yang ditetapkan UNISEL jauh lebih rendah berbanding institusi pengajian tinggi swasta lain

HASRIL ABU HASSAN
Pengurus Komunikasi Korporat Unisel

“Tetapi, apa yang menjadi persoalannya ialah motif dibalik penganjuran demonstrasi di Bangunan SSAS. Di mana kewajarannya pelajar IPTA lain bertindak memperjuangkan kebebasan akademik di Unisel,” soalnya.

Hasril berkata, dua hari sebelum insiden demonstrasi di Bangunan SSAS, Unisel mengadakan wacana dua hala antara pimpinan tertinggi universiti bersama pelajar.

“Isu pendidikan percuma tidak dibangkit pelajar ketika wacana itu diadakan. Yuran pembelajaran yang ditetapkan Unisel jauh lebih rendah berbanding institusi pengajian tinggi swasta lain,” jelasnya.

Tiada ahli politik berminat teliti MoU air

SHAH ALAM - Hanya 11 pengamal media dan seorang pengamal undang-undang yang mahu meneliti Memorandum Persefahaman (MoU) Penstrukturan Air yang didedahkan sepanjang dua minggu Dewan Negeri Selangor bersidang.

Tiada seorang pun wakil rakyat, termasuk ahli-ahli politik yang mengkritik pengendalian penstrukturan air oleh Menteri Besar Tan Sri

Abdul Khalid Ibrahim di dalam DNS, yang mahu meneliti MoU itu.

“Tak apalah kalau tidak ramai tengok sebab dewan itu terbuka kepada yang berminat.

“Kita teruskan polisi ketelusan dan kebebasan maklumat dengan salurkan seberapa banyak maklumat yang boleh kepada rakyat,” kata menteri besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim seusai Mesyuarat

Exco Selangor di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

Pendedahan awam itu dibuka sejak 7 April lalu iaitu hari pertama sidang DNS hingga hari terakhir sidang DNS berlangsung 18 April lalu.

Sebelum ini wujud dakwaan Kerajaan Negeri enggan berkongsi maklumat berhubung MoU penstrukturan air negeri yang dirahsiakan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KENYATAAN

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor dalam bidang atau Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
8	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-329/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN MENGGUNAKAN KAEDAH "MILL & PAVE" SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN 1, TAMAN TAR, AMPANG, SELANGOR.			MULAI : 30/04/2014 (RABU) JAM : 2.30 PETANG Bahagian Ukur Bahan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Tingkat 16 Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100, Kuala Lumpur	
9	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-330/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN INDAH 2, JALAN INDAH 3, JALAN INDAH 4, JALAN INDAH 5, JALAN INDAH 6, JALAN INDAH 7, JALAN INDAH 8, JALAN INDAH 9, JALAN INDAH 10, JALAN INDAH 11, JALAN INDAH 12, JALAN INDAH 13, JALAN INDAH 14, JALAN INDAH 15, JALAN INDAH 16, JALAN INDAH 17, JALAN INDAH 18, JALAN INDAH 19, JALAN INDAH 20, JALAN INDAH 21, JALAN INDAH 22, TAMAN CHERAS INDAH, AMPANG, SELANGOR.	KOD BIDANG BARU : BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED & KATEGORI CE & PENGKHUSUSAN CE01 & CE21 PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) OLEH CIDB	Taklimat dan Lawatan tapak. (Kehadiran adalah diwajibkan) TAKLIMAT : TARIKH : 30/4/2014 (RABU) MASA : 10.30pagi TEMPAT : AUDITORIUM, ARAS 5, MPAJ	Nota: Petender dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran ASAL :	TARIKH TUTUP : 14/05/2014 (RABU) Aras 4 Menara MPAJ Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100, Kuala Lumpur
10	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-331/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN 2, JALAN 2A DAN JALAN 4, PANDAN INDAH , AMPANG, SELANGOR.	PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) OLEH CIDB & SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB	LAWATAN TAPAK: Akan diberitahu pada masa taklimat dijalankan	1) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB 2) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB	
11	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-332/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN PANDAN INDAH 4/7, JALAN PANDAN INDAH 4/9, JALAN PANDAN INDAH 4/11, JALAN PANDAN INDAH 4/11A, JALAN PANDAN INDAH 4/15, JALAN PANDAN INDAH 4/16, JALAN PANDAN INDAH 4/18, JALAN PANDAN INDAH 4/25, JALAN PANDAN INDAH 4/27, JALAN PANDAN INDAH 4/29, JALAN PANDAN INDAH 4/30, JALAN PANDAN INDAH 4/31 DAN JALAN PANDAN INDAH 4/32 PANDAN INDAH, AMPANG, SELANGOR.	BERDAFTAR DENGAN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)	Nota: Dokumen tender hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja.	3) Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) 4) Surat Wakil Kuasa serta satu salinan pendua sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.	

- Setiap dokumen tender dijual dengan harga **RM 100.00**. Wang pembayaran tidak akan dikembalikan
- Dokumen Meja Tawaran dipamerkan mulai **30 APRIL 2014** di Bahagian Ukur Bahan Tingkat 16, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah Selangor 55100 Kuala Lumpur pada waktu pejabat.
- Bayaran dalam bentuk Wang Tunai / Deraf Bank di buat atas nama **YANG DI PERTUA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**.
- Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT YANG DILEKATKAN ATAU DIGAM** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera di atas.
- Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Wakil yang hadir ke lawatan tapak, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat
- Petender diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak.
- Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **14 MEI 2014**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-4296 8092, 03-4296 3695 dan 03-42974424.

Disediakan oleh:
(FAUZIAH BINTI JAAFAR)
Penolong Jurukur Bahan
Bahagian Ukur Bahan,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disahkan oleh:
(MASTURA BINTI ISHAK)
Ketua Bahagian
Bahagian Ukur Bahan,
b/p. Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya



Menteri Besar beramah mesra dengan kakitangan Kerajaan Negeri di Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan - Jabatan Kerajaan Negeri Selangor 2014

Bank tanah pertingkat kepantasan Kerajaan Negeri

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Sistem Aplikasi Pengurusan Maklumat Tanah Selangor dibangunkan Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTG) berjaya membantu Kerajaan Negeri mengurus maklumat tanah dengan kekuatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata projek Land Bank Library System (LBLS) sekarang ini mempunyai 1.9 juta imej dokumen hakmilik berstatus "Landed" dan "Strata".

Jelasnya projek ini memastikan pengurusan aset tanah negeri dibuat secara sistematik dan pantas.

"Fasa kedua projek ini melibatkan pengimejan ke atas baki dokumen sebanyak 23.5 juta helaian manakala pelaksanaan di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) pula bakal menyusul dalam fasa ketiga projek tersebut," katanya di Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor 2014 di Auditorium Jubli Perak.

Serentak dengan itu, Kerajaan Negeri turut membangunkan aplikasi Sistem Maklumat Tanah Selangor (SeLIS) menggunakan teknologi web dan geospatial.

Abdul Khalid berkata sistem ini membantu mengu-

ruskan aset tanah-tanah yang belum diteroka dan tanah rizab, lesen pendudukan sementara (LPS), luput notis 5A, luput tempoh pajakan, serta tanah yang dirampas di bawah notis 8A.

"Kerajaan negeri juga sedang mengkaji dan membangunkan Blueprint yang merangkumi rangka kerja dan hala tuju pengurusan maklumat tanah negeri seterusnya.

"Pelaksanaan kajian adalah meliputi elemen perkhidmatan e-pelanggan dan pengwujudan "Single Point of Contact; penggunaan metodologi Business Intelligence (BI) dan Big Data Analytic (BDA) yang sedang diguna pakai di beberapa agensi kerajaan," katanya lagi.

Selain itu, bagi menjamin keselamatan urusan daripada cubaan penipuan atau pemalsuan dokumen di kaunter, Kerajaan Negeri turut mengaplikasikan "Secured Land Management System" (Selamat) yang berasaskan teknologi biometrik di PTG Selangor dan tiga PTD lain di Petaling, Klang dan Hulu Langat.

"Kerajaan negeri melalui PTG Selangor juga berusaha untuk menambah saluran perkhidmatan urusan tanah baru secara talian yang dibenarkan oleh undang-undang," katanya.



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KENYATAAN

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor dalam bidang atau Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
12	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-333/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DENGAN KAEDAH "MILL & PAVE" SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN WAWASAN, BANDAR BARU AMPANG, AMPANG, SELANGOR.	KOD BIDANG BARU: BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G4 & KATEGORI CE	Taklimat dan Lawatan tapak. (Kehadiran adalah diwajibkan) TAKLIMAT: TARIKH: 30/4/2014 (RABU) MASA: 10.30pagi TEMPAT: AUDITORIUM, ARAS 5, MPAJ	MULAI: 30/04/2014 (RABU) JAM: 2.30 PETANG Bahagian Ukur Bahan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Tingkat 16 Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100, Kuala Lumpur	TARIKH TUTUP: 14/05/2014 (RABU) Aras 4 Menara MPAJ Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100, Kuala Lumpur
13	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-334/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DENGAN KAEDAH "MILL & PAVE" SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN PANDAN UTAMA, PANDAN INDAH, AMPANG, SELANGOR.	& PENGKUSUSAN CE01 & CE21	LAWATAN TAPAK: Akan diberitahu pada masa taklimat dijalankan Nota: Dokumen tender hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja.	Nota: Petender dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran ASAL: 1) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB 2) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB 3) Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) 4) Surat Wakil Kuasa	
14	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-335/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN MENGGUNAKAN KAEDAH "MILL & PAVE" SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN MELAWATI 1 DAN MELAWATI 3, TAMAN MELAWATI, HULU KELANG, SELANGOR.	PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) OLEH CIDB & SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & BERDAFTAR DENGAN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)			

- Setiap dokumen tender dijual dengan harga **RM 100.00**. Wang pembayaran tidak akan dikembalikan
- Dokumen Meja Tawaran dipamerkan mulai **30 APRIL 2014** di Bahagian Ukur Bahan Tingkat 16, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah Selangor 55100 Kuala Lumpur pada waktu pejabat.
- Bayaran dalam bentuk Wang Tunai / Deraf Bank di buat atas nama **YANG DI PERTUA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**.
- Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT YANG DILEKATKAN ATAU DIGAM** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera di atas.
- Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Wakil yang hadir ke lawatan tapak, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat
- Petender diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak.
- Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **14 MEI 2014**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-4296 8092, 03-4296 3695 dan 03-42974424.

Disediakan oleh:
(FAUZIAH BINTI JAAFAR)
Penolong Jurukur Bahan
Bahagian Ukur Bahan,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disahkan oleh:
(MASTURA BINTI ISHAK)
Ketua Bahagian
Bahagian Ukur Bahan,
b/p. Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya



Keselamatan dan keselesaan penduduk menjadi keutamaan



ADUN Taman Templer, Zaidy Abdul Talib, turun padang melawat kawasan perumahan yang baru dipagar atas dasar keselamatan di Taman Daya, Kepong.

“Sebelum ini kami terima banyak aduan daripada penduduk mengenai keselamatan. Ini antara langkah yang diambil agar kes kecurian dan rompakan

di kawasan ini dapat dikurangkan.” Jelasnya

Pagar berukuran 600 kaki ini dibina dengan menggunakan peruntukan Adun sendiri dan baru sahaja siap dibina awal April lalu.

Penduduk tempatan berterima kasih kepada Zaidy

Zaidy Abdul Talib
Taman Templer

kerana bertungkus-lumus membantu untuk mendapat-

kan pagar tersebut. Para penduduk turut menyumbang RM80 sebulan untuk membayar pengawal keselamatan bagi meronda kawasan perumahan itu siang dan malam.

Perkhemahan pengakap bina jati diri dan sahsiah pelajar

ADUN Sungai Pelek, Lai Nyuk Sepang. Lan, telah mengikuti program

Perkhemahan Pengakap Kanak-Kanak Peringkat Sekolah 2014 di SJK (C)

Chio Chiao, Salak, Sepang.

Seramai 88 orang pelajar daripada Persatuan Pengakap mengikuti program perkhemahan dua hari satu malam itu bersama 19 orang guru dan 15 fasilitator dari sekolah Menengah Kebangsaan Seri

“Saya sangat suka dengan aktiviti perkhemahan kerana pada saya aktiviti berpasukan dan berdikari ini amat digalakkan untuk membina jati diri pelajar, terutama anak muda.” katanya.

Lai Nyuk Lan turut memberi sumbangan RM1,000 untuk menjayakan program perkhemahan itu.

Lai Nyuk Lan
Sungai Pelek



Perangi wabak denggi



USAHA memerangi wabak denggi diteruskan Adun Bangi, Ustaz Shafie Ngah, bersama komuniti seksyen 16, Bandar Baru Bangi.

Program Bersepadu Perangi Denggi Peringkat Bandar Baru Bangi ini anjuran Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi, Hospital Pakar An Nur, Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat, MPKj, Pengerusi JMB, Ketua Blok dan Surau Al-Is-

tiqomah.

Program dihadiri lebih 300 penduduk setempat, sekolah, UKM serta RELA.

Seawal jam 8 pagi, Ustaz Shafie Ngah telah merasmikan Kelab Memanah serta mengadakan lawatan di Tapak Komplek Sukan di Padang Permainan Surada.

Ustaz Shafie Ngah
Bangi

Jalin muhibah bersama penduduk

ADUN Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan menyertai Hari Terbuka dan Sukan Rakyat Penduduk Taman Selaseh dan Taman Samudera di padang permainan Taman Selaseh.

Hasbullah sempat membuat gimik sepakan dalam

salah satu acara yang dipertandingkan.

Pelbagai acara dipertandingkan, antaranya sepak raga, timbang bola, bola sepak kain pelikat, kapal terbang kertas dan wau dalam usaha meng-

Hasbullah Ridzwan
Gombak Setia

ratkan hubungan antara pen-

diduk dua taman berkenaan.

Hasbullah berkata, harapannya melalui program ini masyarakat dapat melihat keberadaan dan fungsi setiap organisasi yang mewakili penduduk.

“Ini bagi memperjuangkan kesejahteraan hidup dan kesenangan komuniti setempat,” katanya



DNS usul Kerajaan Negeri tuntutan tunggakan dividen FELCRA

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri digesa menuntut dividen milik rakyat miskin daripada Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) yang tertunggak sejak 1997.

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Basmi Kemiskinan Selangor, Saari Sungib berkata dividen itu patut dibayar kepada Kerajaan Negeri bagi tanah-tanah terbiar yang diusahakan

FELCRA sejak 1997 tetapi tidak dibayar dipercayai kerana tiada penama untuk lot-lot tanah itu.

"Terdapat 932.45 hektar yang diusahakan FELCRA dengan tanaman sawit dan getah. Dividen itu perlu diagihkan kepada rakyat Selangor yang layak.

"Bagaimanapun, ini tidak dilakukan tetapi hasilnya hanya masuk ke akaun atau tabung milik FELCRA," katanya.

Saari menganggarkan jumlah dividen tahunan bagi setiap lot

(1.22 hektar tanah) dianggarkan mencecah RM2,000 bergantung kepada jenis tanaman dan harga semasa.

"Tunggakan dividen itu nanti boleh digunakan bagi membiayai program basmi kemiskinan di Selangor," jelas Saari.

Menurut beliau, keseluruhan lot di atas tanah seluas 932.45 hektar itu adalah 761 lot, bersamaan dividen untuk 761 keluarga yang berkelayakan.

Saari mencadangkan Kera-

jaan Negeri supaya menggariskan kriteria tertentu bagi memastikan hanya penerima yang layak mendapat bantuan hasil dividen itu tanpa dipengaruhi unsur politik seperti yang diamlkan BN.

Skim dividen ini dilaksanakan selepas Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan membenarkan FELCRA memulihkan tanah-tanah terbiar untuk diusahakan sebagai ladang kelapa sawit dan getah.



Saari Sungib

Rumah Contoh Sedia Dikunjungi



HARMONY VILLA



40' X 85' Semi-D Mewah 2 Tingkat



Menikmati Kehidupan Yang Luas dan Selesa

- Bahan binaan berkualiti tinggi
- 4 bilik tidur and 1 bilik baca
- Setiap bilik bersama dengan bilik mandi

PEMAJU:
SEMARAK CERGAS SDN. BHD. (251693-D)
 Lot 1-14 & 1-15, Kompleks PKNS Kuala Selangor, Jalan Perusahaan 1,
 45000 Kuala Selangor, Selangor.

Hubungi: 03-3289 1918 / 1919

Pejabat urusan dibuka setiap hari 9.30 pagi - 5.00 petang

No. lesen pemaju: 11966-1/03-2015/346 . tempoh valid : 19/03/2012-18/03/2015. No permit iklan dan jualan: 11966-1/1231/2013(05) tempoh valid: 9/10/2013-21/05/2015. Bebanan tanah: Maybank Bhd. Tempoh hak milik : 99 tahun (hingga tahun 2111). Pihak kelulusan Pelan pembinaan : MDKS. No kelulusan pelan Pembina. : 280/3/7/2011-94 untuk 54 units (fasa 1) 40' x 85' semi-D 2 tingkat. Harga minimum : RM558,225 . harga Maksimum : RM879,526. Diskaun 7% untuk bumiputera. Tarikh jangkaan siap dibina (fasa 1): October 2014. Sekatan kepentingan: Tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

Bantahan terhadap KIDEX perlu dibincang

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan memastikan pembangunan projek Lebuhraya Kinrara Damansara (Kidex) memberi manfaat kepada penduduk sekitar dan bukannya menguntungkan syarikat konsesi semata-mata.

Exco Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Yunus Hairi berharap segala isu yang dibangkitkan rakyat berhubung pembangunan lebuhraya itu dibawa ke Mesyuarat Selangor State Planning Committee (SSPC) untuk diperhalusi dan dibincangkan.

"Pembinaan Kidex ini telah ada perjanjian antara Kerajaan dan syarikat konsesi tetapi ia belum dibentangkan di dalam SSPC.

"(Menerusi SSPC) mungkin ada beberapa dapatan yang dapat dibincangkan sebelum Kerajaan Negeri menerima secara keseluruhan," jelasnya sambil menjangkakan SSPC akan berlangsung dalam masa terdekat setelah ia tertunda minggu ini atas beberapa masalah teknikal.

Baru-baru ini, penduduk sekitar Damansara dan Kinrara mengadakan bantahan di luar Bangunan Setiausaha Kerajaan

Negeri Selangor bagi meminta Kerajaan Negeri membatalkan projek tersebut kerana dikhuatiri akan menjejaskan kehidupan mereka.

Projek lebuhraya sepanjang 14 kilometer itu dijangka bermula tahun depan dengan anggaran kos RM2.2 bilion menerusi pembangunan secara penswastaaan oleh syarikat pembida konsesi, Kidex Sdn. Bhd.

Mengulas lanjut, Yunus berkata Kerajaan Negeri akan mengadakan perjumpaan awam bersama rakyat bagi memberi penerangan dan mendengar rungutan setempat.

"Atas keperluan rakyat jugalah, kita fikirkan pembangunan lebuhraya (Kidex) ini perlu. Tetapi itu bukan bermaksud Kerajaan Negeri membuka peluang untuk syarikat konsesi mengaut keuntungan secara terus selagi ada 'bulan dan bintang'.

"Kita mahukan apabila Kidex ini dibina, rakyat menerima manfaat darinya dan konsesi juga menerima pulangan yang setimpal untuk pengurusan dan penyelenggaraan lebuhraya itu dan bukannya menjana keuntungan berpanjangan," jelasnya seusai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).



Pelajar bantu umat Islam Kemboja

SHAH ALAM - Prihatin dengan nasib masyarakat Islam di Kemboja yang dihipit kemiskinan, pelajar Ijazah Jurusan Komunikasi Media Universiti Selangor (Unisel) mengadakan jualan amal bagi mengumpul dana untuk disalurkan kepada masyarakat Islam di sana.

Menurut salah seorang penganjur jualan amal ini, Mohd Nor Farhan Othman, melalui program jualan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang ditanggung umat Islam di Kemboja.

“Sambutan diberikan pengunjung program ini menggalakkan dan sebahagian daripada hasil jualan di bazar jualan ini bakal disalurkan kepada mereka di Kemboja.

“Kami akan teruskan lagi aktiviti ini di masa akan datang memandangkan sambutan yang diberikan amat menggalakkan,” kata beliau.

The Rise Of Youth 2014 (TROY) yang diadakan di Extreme Park Seksyen 13 Shah



“Sambutan diberikan pengunjung program ini menggalakkan dan sebahagian daripada hasil jualan di bazaar jualan ini bakal disalurkan kepada mereka di Kemboja

MOHD NOR FARHAN
Penganjur jualan amal



Alam berlangsung meriah dengan kehadiran kira-kira 500 pengunjung termasuk para pelajar Unisel sendiri.

Para pengunjung turut berkesempatan mencuba pelbagai aktiviti seperti futsal, papan luncur dan beberapa acara sukan yang lain serta membeli-belah sambil ber-amal di sini.

Pengunjung turut dihiburkan dengan persembahan muzik secara langsung oleh anak muda tempatan dan juga pameran kereta.



Taman Indah 2
SEKINCHAN
Pembangunan Campuran di
SEKINCHAN

Dengan ada CCC

3-Tingkat Semi-D

2 1/2 - Tingkat Rumah Link

Untuk Bumiputra Sahaja
7% Diskaun

Map Lokasi

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

+603-3241 2996

Pemaju:
ALPHA INTAN SDN. BHD.
(Wholly Owned Subsidiary of JIALAND SDN. BHD.) Co. No. 13803-X

Kontraktor Utama:
JIALAND SDN. BHD.
嘉聯發展有限公司 Co. No. 20476-D

Pejabat Jualan:
Lot 125, Jalan Perusahaan 2, Off Jalan Basmah,
45400 Sekinchan, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel / Faks : 603-3241 2996

Ibu Pejabat:
No. 40-B, Jalan Datarul Sulaiman, Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 603-7722 2996 / 197 Fax : 603-7728 5996

Member of
REHDA

En. Chow : 012-372 6198
Heng Soon : 016-626 7522

14 filem pendek bina jati diri

OLEH ASRI SAPPIE

SHAH ALAM – Universiti Selangor (Unisel) menghasilkan 14 karya filem pendek hasil kerja keras pelajar Fakulti Kesenian dan Senibina.

Filem tersebut dipertandingkan di bawah tema 'Spiritual, Physical, Intellectual, Emotion

and Social' (S.P.I.E.S) sempena Fakulti Art and Design Exhibition (FAD.EX) anjuran universiti itu.

Exco Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Selangor, Dr Halimah Ali, berkata filem pendek itu dapat memberikan mesej jelas per-

nan Spies dalam masyarakat.

"Apabila mereka mempunyai lima elemen penting ini dalam kehidupan seharian, sudah pasti mereka mampu menjadi modal insan berjaya. Ibarat campak ke laut jadi pulau, campak ke darat jadi gunung," kata beliau.

Beliau juga berpendapat setiap pelajar perlu ada lonjakan emosi positif dalam diri supaya menjadi lebih bersemangat dalam menghadapi kehidupan.

Filem 'Iqram' yang berjaya menjadi johan pada pertandingan filem pendek ini menegenahkan aspek dan nilai spiritual Islamik.

Pengarah filem, Faiz Zauki, berkata filem itu memaparkan realiti sebenar kehidupan masyarakat yang kadang kala tersesat daripada jalan benar kerana dihimpit tekanan hidup dan kewangan.

"Filem ini diharap dapat beri mesej jelas kepada masyarakat supaya menjadikan nilai spiritual sebagai pemangkin kepada kehidupan," kata beliau.



Faiz Zauki (kanan) bersama tenaga kerja filem Iqram



Usaha memasyarakatkan ilmu melalui jurnal

SHAH ALAM - Universiti Selangor (Unisel) melangkah setapak lagi dalam usaha memasyarakatkan ilmu dengan penerbitan tiga jurnal meliputi pelbagai kluster pendidikan.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, yang juga Ahli Lembaga Pengarah Unisel, Dr Halimah Ali berkata, penerbitan jurnal dapat memberi ruang kepada warga institut pengajian tinggi berkongsi hasil penyelidikan.

Katanya, pihak pengurusan Unisel juga wajar memasarkan serta mengedarkan jurnal yang diterbitkan ke peringkat antarabangsa bagi mendapat pengiktirafan.

"Kerajaan Negeri menyokong usaha sebegini melalui penyediaan dana dan geran pendidikan bagi menghasilkan penerbitan akademik.

"Hasil penyelidikan perlu dikongsi dan disebarkan untuk pembangunan ilmu dan nega-

ra," katanya.

Dr Halimah hadir mewakili Abdul Khalid bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Jurnal di Dewan Pro Canselor, Unisel di sini.

Unisel menerbitkan tiga jurnal, iaitu *Jurnal Sciences and Technology*, *Jurnal Contemporary Business Management* dan *Jurnal Social Science and Humanities* yang boleh didapati secara bercetak mahupun atas talian.

Terdahulu, Dr Halimah merasmikan Pusat Fisioterapi dan Makmal Klinikal Diagnostik Unisel yang turut dihadiri Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr. Daroyah Alwi dan Canselor Unisel, Prof. Anuar Ahmad.

Dengan perasmian pusat berkenaan, Unisel kini mampu bersaing dalam industri kospus sains kesihatan yang kini semakin mendapat permintaan yang tinggi.



Pelajar fisioterapi menunjuk kaedah rawatan yang diajar



NOTIS SEBUTHARGA PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

Tawaran adalah dipelawa daripada penyebutharga-penyebutharga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta berpengalaman dalam kerja - kerja berkaitan seperti berikut :-

Bil.	No. Sebutharga	Butir-Butir Kenyataan Tawaran Sebutharga	Kelayakan Penyebutharga	Harga
1.	SH/PTGS/09/2014	Sebutharga Bagi Perluasan Aplikasi SELAMAT Bagi PTD Hulu Selangor, PTD Gombak, PTD Sepang, PTD Kuala Langat, PTD Kuala Selangor Dan PTD Sabak Bernam Serta Lain-Lain Keperluan Bilik Server Bagi Pemasangan Server SELAMAT	Berdaftar dan membawa sijil asal Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 210101/210102/210103/210104/210105/210106 DAN Berdaftar dengan Sistem Kontraktor Negeri Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan mengemukakan pengesahan pendaftaran	PERCUMA

1. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada penyebutharga/wakil yang sah sahaja. Penyebutharga hendaklah membawa surat pendaftaran asal, serta salinan surat pendaftaran untuk rujukan Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Dokumen tawaran adalah percuma dan boleh diperolehi di bahagian seperti yang tertera dibawah mulai 24 April 2014 (KHAMIS) hingga 05 Mei 2014 (ISNIN) :

Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
Tingkat 4 , Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

2. Penyebutharga dikehendaki membawa bersama sijil asal Akaun Pendaftaran Kontraktor dan Akaun Pendaftaran Kontraktor Bumiputera (jika bertaraf Bumiputera) daripada Kementerian Kewangan Malaysia serta mengemukakan pengesahan pendaftaran penyebutharga Sistem Kontraktor Negeri Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor semasa pengambilan Dokumen Sebutharga.

3. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti sebutharga di alamat :-

Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
Tingkat 4 , Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tarikh tutup : 05 Mei 2014 (Isnin) jam 12.00 tengahari.

4. Pejabat Tanah dan Galian Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana - mana tawaran.

RM100,000 hadiah untuk warga PJ



OLEH NAZLI IBRAHIM

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya 2014 bagi menggalakkan komuniti di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu melahirkan persekitaran kediaman yang mampan.

Anugerah berprestij kali ke-13 itu diadakan di bawah Program Agenda Tempatan 21 dan dibuka kepada Persatuan Penduduk, Jawatankuasa keselamatan kampung (JKKK) dan rukun tetangga komuniti di Petaling Jaya.

Ahli Majlis MBPJ, Halimey Abu Bakar, berkata anugerah tahunan itu juga menawarkan hadiah lebih RM100,000 termasuk untuk empat kategori yang dipertandingkan.

"Saya menyeru semua komuniti dan masyarakat di Petaling Jaya supaya menyertai anugerah ini dan bersama berganding bahu ke arah mewujudkan persekitaran yang mampan di Petaling Jaya.

"Semua jenis kediaman berpeluang menang walaupun pangsapuri kos rendah. Kalau kita tengok tahun lepas juga kediaman kos rendah menang," kata Halimey ketika merasmikan Anugerah



Gambar atas: Warga PJ yang hadir pada hari perasmian
Bawah: Halimey (tengah) menunjukkan kepada media, risalah Anugerah Perdana Komuniti Mampan

Perdana Komuniti Mampan 2014 di Ibu Pejabat MBPJ di sini.

Pemenang pertama akan membawa hadiah geran pembangunan bernilai RM50,000, tempat kedua bernilai RM25,000 dan tempat ketiga bernilai RM10,000.

Pemenang juga akan membawa pulang Piala Pusingan Datuk Bandar, sijil penghargaan dan cederahati iringan.

Setiap kumpulan komuniti yang berminat untuk menyertai anugerah ini boleh berbuat demikian sebelum tarikh tutup penyertaan pada 31 Julai nanti.

Selangor anjur Sambutan Sukan Antarabangsa

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan menganjurkan Sambutan Hari Sukan Antarabangsa Peringkat Negeri 2014 pada 4 Mei ini.

Program akan berlangsung di tempat letak kendaraan bersebelahan dengan Masjid Naza TTDI Seksyen 13, Shah Alam, bermula jam 7 pagi hingga 6 petang.

Exco Belia dan Sukan, Ahmad Yunus Hairi (**gambar**), berkata inisiatif ini diambil bagi meraikan Hari Sukan Antarabangsa yang disambut pada 7 April setiap tahun sebagai promosi gaya hidup sihat.

Untuk tahun ini, tema diketengahkan adalah 'Belia Sihat Tanpa Dadah' dengan mengambil usaha Kerajaan Selangor untuk memerangi dan menghindarkan gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia dan remaja di Selangor.

"Tragedi mengorbankan enam orang remaja baru-baru ini di dalam satu konsert di Stadium Bukit Jalil akibat penyalahgunaan dadah dan pengam- bilan alkohol secara berlebihan telah memberikan kejutan ramai pihak.

"Kerajaan Selangor memandang serius perkara ini dan me- nyokong sebarang usaha untuk me- mastikan gejala ini diselesaikan secara menyeluruh," katanya dalam satu sidang media.

Kerajaan Selangor bekerjasama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) cawangan Selangor, Persatuan Pencegah Dadah Malaysia (Pepadam) cawangan Selangor, polis cawangan narkotik dan NGO Anti Dadah lain.

Antara aktiviti yang dianjurkan adalah senamrobik, walk- athon, pertandingan street soccer dan pertandingan bola jaring 3 vs 3.

Selain itu, pertandingan gusti lengan, klinik memanah, pertandingan dam ular gergasi, pertandingan catur serta pameran dan bazar.

Selain itu, pertandingan gusti lengan, klinik memanah, pertandingan dam ular gergasi, pertandingan catur serta pameran dan bazar.



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputra yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) (CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembinaan)	Taraf / Jenis Syarikat	Syarikat Pendaftaran	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI SERTA MENGUJITERIMA SISTEM PENYAMAN UDARA DAN PENGUDARAAN MEKANIKAL UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN KOMPLEKS ISLAM GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN	Bumiputra T1	Mempunyai Pendaftaran seperti berikut i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dan ii) Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputra yang masih sah iii) Wajib berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Tarikh Dokumen Dijual: 25/04/2014 (Jumaat) Hingga 09/05/2014 (Jumaat)	RM 170.00 (Bank Draf atau Kiriman Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama: Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 19/05/2014 (Isnin) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan
No.Tender : JKR/SEL(N)013(T)/2014						

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di / Lembaga Pembinaan Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam Gred, Kategori, Pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

- *Jenis Pendaftaran:
- T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
 - A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
 - A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
 - T2 - Tidak berkenaan

“

Di harap ramai sukarelawan dapat membantu kerana projek ini banyak memberi perubahan kepada pelajar seperti mereka mahir berbahasa Inggeris dan lebih kreatif

NIK NAZMI
Adun Seri Setia



Nik Nazmi (tengah) bersama pelajar-pelajar di Majlis Graduasi pertama Projek Mentari di Blok 8 Desa Mentari

RM20,000 pergiat Projek Mentari

OLEH AFEEQA AFEERA

PETALING JAYA - Sejumlah RM20,000 disumbangkan kepada badan pengurusan Projek Mentari sebagai usaha memantapkan perjalanan projek berkenaan yang memasuki tahun ke tujuh pelaksanaannya di DUN Seri Setia.

Adun, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata sumbangan itu adalah ihsan Pejabat Daerah Petaling serta badan bukan kerajaan (NGO) dan anak syarikat Kerajaan Negeri.

Katanya, antara badan yang menyokong projek itu termasuk Pejabat Menteri Besar Selangor, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Permodalan Nasional Berhad (PNSB), Hess Corporation, Brunfield Group of Companies, CIMB Bank dan General Electric.

“Dulu saya jadi salah seorang tenaga pengajar, tetapi kini lebih bertindak sebagai penaung dan membantu mencari tajaan.

“Kita masih perlukan lebih banyak sumbangan daripada pelbagai pihak, justeru saya berharap kita semua dapat cari

jalan untuk jadikan projek ini lebih mampan,” katanya semasa merasmikan Hari Graduasi Pertama Projek Mentari di Blok 8 Desa Mentari.

Nik Nazmi berkata, pihaknya menerima banyak permintaan untuk melaksanakan projek berkenaan di kawasan pangsapuri yang lain, namun kekangan dana dan ahli sukarelawan membantukan usaha itu.

Katanya, beliau turut bercadang untuk menganjurkan program khas di kalangan alumni yang pernah menyertai Projek Mentari bagi membolehkan bekas pelajar yang berjaya berkongsi pengalaman mereka dengan pelajar baru.

“Di harap ramai sukarelawan dapat membantu kerana projek ini banyak memberi perubahan kepada pelajar seperti mereka mahir berbahasa Inggeris dan lebih kreatif,” katanya lagi.

Projek Mentari adalah program tuisyen sukarelawan di flat kos rendah Desa Mentari yang diasaskan pada tahun 2007 dengan memfokuskan kepada Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat yang berdaftar dengan LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB) bagi kerja-kerja berikut :-

Bil	Tajuk Kerja	Kod bidang	Tarikh Tutup
1	No.Tender : MBPJ/TD/K/14/2014 Cadangan menurap semula jalan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan 21/20, 21/22, 21/23, 21/24, 21/25, 21/26, 21/28, 21/29, 21/30, 21/31, 21/32 dan 21/33, Seksyen 21, Petaling Jaya	CIDB Gred : G3 Kategori : CE Pengkhususan berdaftar : CE 01, CE 21 & CE 42 Harga Dokumen : RM 100.00	13 Mei 2014 (Selasa)
2	No.Tender : MBPJ/TD/K/15/2014 Cadangan menurap semula jalan dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan 5/10, 5/17, 5/21, 5/39, 5/41, Lorong 5/10A, Lorong 5/10B, Lorong 5/10C, Lorong 5/10D, Lorong 5/10E, Lorong 5/10F, Lorong 5/17A, Lorong 5/17B, Lorong 5/17C, Lorong 5/17D, Lorong 5/21A, Lorong 5/21B, Lorong 5/21C, Lorong 5/21D, Lorong 5/41A, Seksyen 5, Petaling Jaya.	CIDB Gred : G3 Kategori : CE Pengkhususan berdaftar : CE 01, CE 21 dan CE 42 Harga Dokumen : RM 100.00	13 Mei 2014 (Selasa)
3	No.Tender : MBPJ/TD/K/16/2014 Cadangan menurap semula jalan dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan 11/3, 11/5, 11/6, 11/8, 11/14, 11/17, Lorong 11/6A, Lorong 11/6B, Lorong 11/6C, Lorong 11/6D, Lorong 11/8A, Lorong 11/8B, Lorong 11/8C, Lorong 11/8D, Lorong 11/8E, Lorong 11/14A dan Lorong 11/14B, Seksyen 11, Petaling Jaya	CIDB Gred : G3 Kategori : CE Pengkhususan berdaftar : CE 01, CE 21 dan CE 42 Harga Dokumen : RM 100.00	13 Mei 2014 (Selasa)
4	No.Tender : MBPJ/TD/K/17/2014 Cadangan menurap semula jalan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan 52/2, 52/4, 52/6, 52/10, 52/12, 52/14, 52/16 dan 52/18 di Seksyen 52, Petaling Jaya	CIDB Gred : G3 Kategori : CE Pengkhususan berdaftar : CE 01, CE 21 dan CE 42 Harga Dokumen : RM 100.00	13 Mei 2014 (Selasa)
5	No.Tender : MBPJ/TD/K/18/2014 Cadangan menurap semula jalan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan PJU 1/3, PJU 1/3A, PJU 1/3B, PJU 1/3C, PJU 1/3D, PJU 1/3E, PJU 1/3F, PJU 1/3G dan PJU 1/43, PJU 1, Petaling Jaya	CIDB Gred : G4 Kategori : CE Pengkhususan berdaftar : CE 01, CE 21 dan CE 42 Harga Dokumen : RM 100.00	13 Mei 2014 (Selasa)
6	No.Tender : MBPJ/TD/K/19/2014 Cadangan menaiktaraf dan pembaikan semula sistem pencegahan kebakaran di PPR Putra Damai, Lembah Subang, Petaling Jaya, Selangor	CIDB Gred : G4 Kategori : M Pengkhususan berdaftar : M02 Harga Dokumen : RM 100.00	19 Mei 2014 (Isnin)

Lawatan tapak adalah diwajibkan bagi No.Tender : MBPJ/TD/K/19/2014. Kenderaan tidak disediakan samasa lawatan tapak diadakan. Kontraktor-kontraktor yang berminat hendaklah berkumpul dihadapan Ibu Pejabat MBPJ Jalan Yong Shook Lin 46675 Petaling Jaya pada 29 April 2014 (Selasa) jam 9.30 pagi. Dokumen tender akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri lawatan tapak sahaja.

Keterangan lanjut dan borang tawaran boleh didapati pada waktu pejabat di Bahagian Bekalan dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya. Setiap permohonan dokumen tawaran hendaklah disertakan dengan Wang Tunai / Wang Kiriman Pos / Bank Draf atas nama DATUK BANDAR, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA sebagai bayaran dokumen yang tidak akan dikembalikan.

Tarikh tutup tawaran adalah seperti diatas pada jam 12.00 tengahari di Bahagian Bekalan dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Hanya pegawai-pegawai syarikat yang ditauliahkan seperti di dalam sijil dibenarkan mengambil atau memberi kuasa kepada kakitangan syarikat untuk mengambil dokumen tender. Kontraktor / wakil hendaklah membawa bersama SIJIL ASAL LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB) DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) SERTA PERAKUAN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN).

Majlis Bandaraya ini tidak terikat bagi menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran. Mana-mana tender yang diterima selepas tarikh tutup yang ditetapkan di atas akan ditolak dan tidak akan dikembalikan.

PENGUMUMAN

Maklumat mengenai pengiklanan tender juga boleh dilihat melalui paparan laman web MBPJ (<http://www.mbpj.gov.my>)

Catuan perlu kerana hujan luar kawasan

OLEH HAFIZAN TAIB

KUALA KUBU BHARU - Caturan air perlu terus dilaksanakan kerana taburan hujan ketika ini tidak membabitkan kawasan tadahan air, jelas tiga Adun Selangor selepas kunjungan mereka ke Empangan Sungai Selangor.

Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin (*gambar*) berkata langkah itu adalah perlu bagi menjimatkan bekalan air di empangan sekaligus menjamin bekalan untuk semua

rakyat Selangor dalam jangka masa panjang.

"Masalah dihadapi ialah taburan hujan yang tidak berlaku di kawasan sepatutnya. Ia tidak berlaku di kawasan yang memerlukan tetapi sebaliknya berlaku di kawasan yang tidak perlu," katanya

Empangan Sungai Selangor adalah penting selain Sungai Tinggi kerana ia menyumbang 60 peratus keperluan air di Selangor.

Bee Yin turut berkata kempen kesedaran perlu digerak-

kan supaya orang ramai lebih cermat dan bijak menguruskan air kerana jumlah penggunaan tidak banyak berubah biarpun selepas caturan air berakhir.

Sementara itu Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong berkata semua pihak perlu

bersama memikirkan simpanan air alternatif dan bukan bergantung penuh kepada bekalan paip.

"Jika sebelum ini kita bergantung sepenuhnya dari bekalan paip air dan bila

hujan kita tidak menadahnya, mungkin kini kita perlu menggunakan cara baru untuk simpanan air," katanya.

Adun Bukit Gasing R Rajiv pula berkata krisis air ini menuntut semua pihak supaya memelihara sumber air bersih dari pencemaran industri.

"Krisis air ini juga membabitkan air yang tercemar dan Splash menjelaskan tidak semua kawasan mampu dibekalkan kerana tidak semua sungai bersih," katanya.



WAKTU SOLAT SELANGOR							
25 APRIL - 2 MEI 2014							
24 JAMADILAKHIR - 2 REJAB 1435H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
25 Jumaat	5:37	5:47	7:05	1:14	4:29	7:20	8:31
26 Sabtu	5:36	5:46	7:05	1:14	4:30	7:20	8:31
27 Ahad	5:36	5:46	7:05	1:14	4:30	7:20	8:31
28 Isnin	5:36	5:46	7:04	1:14	4:30	7:20	8:31
29 Selasa	5:35	5:45	7:04	1:13	4:30	7:20	8:31
30 Rabu	5:35	5:45	7:04	1:13	4:31	7:20	8:31
01 Khamis	5:35	5:45	7:04	1:13	4:31	7:20	8:31
02 Jumaat	5:34	5:44	7:03	1:13	4:31	7:20	8:31
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
25 Jumaat	5:39	5:49	7:07	1:16	4:31	7:22	8:33
26 Sabtu	5:38	5:48	7:07	1:16	4:32	7:22	8:33
27 Ahad	5:38	5:48	7:07	1:16	4:32	7:22	8:33
28 Isnin	5:38	5:48	7:06	1:16	4:32	7:22	8:33
29 Selasa	5:37	5:47	7:06	1:15	4:32	7:22	8:33
30 Rabu	5:37	5:47	7:06	1:15	4:33	7:22	8:33
01 Khamis	5:37	5:47	7:05	1:15	4:33	7:22	8:33
02 Jumaat	5:36	5:46	7:05	1:15	4:33	7:22	8:33



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 CYBERJAYA, Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

- Tender adalah dipelawa daripada kontraktor – kontraktor Bumiputera Negeri Selangor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi kerja – kerja berikut:

Bil	No.Tender	Tajuk Kerja	Bidang, Sub Bidang & Pecahan Bidang	Harga Dokumen
1	MP Sepang 400-10/12-17/2014 LAND	Cadangan Kerja – Kerja Penyelenggaraan Lanskap Lembut Bagi Kawasan Persiaran Ceria, Sebahagian Persiaran Rimba Permai, Sebahagian Persiaran APEC, Persiaran Cyberpoint Selatan, Lingkaran Cyberpoint Timur Dan Barat, Jalan Cyberpoint 1 – 6 Cyberjaya Untuk Majlis Perbandaran Sepang	221002 @ 220402 (Membersih Kawasan) dan 221402 @ 220803 (Hiasan Jalan / Kawasan)	RM100.00
2	MP Sepang 400-10/12-18/2014 LAND	Cadangan Kerja – Kerja Penyelenggaraan Lanskap Lembut Bagi Kawasan Sebahagian Persiaran Sepang, Persiaran Flora, Jalan Fauna 1 dan Jalan Teknorat 1 / 2 untuk Majlis Perbandaran Sepang	221002 @ 220402 (Membersih Kawasan) dan 221402 @ 220803 (Hiasan Jalan / Kawasan)	RM100.00

- Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Pengurusan Perolehan)**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **21 April 2014** hingga **12 Mei 2014** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor- kontraktor Bumiputera atau wakil yang mengemukakan Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.
- Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **12 Mei 2014**.
- Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa - apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.



MAJLIS PERBANDARAN KAJANG MENARA MPKj, JALAN CEMPAKA PUTIH, OFF JALAN SEMENYIH, 43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN

KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dalam bidang dan kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

NO. TENDER	TAJUK PROJEK	BIDANG/ KOD BIDANG	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN
MPKj T2/2014	KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENGURUSAN KUTIPAN SISA PEPEJAL ZON 36 (2 TAHUN + 1 TAHUN)	KKM 221002 & 221003	BAHAGIAN BEKALAN & PEROLEHAN, MPKJ	RM 100.00

- Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai **24hb April 2014** pada waktu pejabat di Bahagian Bekalan & Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Menara MPKj, Majlis Perbandaran Kajang, Jalan Cempaka Putih Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
- Dokumen Tender akan dijual mulai dari **24hb April 2014** hingga **15hb Mei 2014** pada waktu pejabat. Dokumen Tender TIDAK akan dijual selepas tempoh ini.
- Penender hendaklah membawa bersama sijil-sijil berikut **semasa pembelian dokumen** dijalankan.
 - Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)
 - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).
 * Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.
- Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Wang Tunai / Draf Bank / Wang Pos / Kiriman Wang Pos Sahaja Atas Nama Yang DiPertua.
- Tarikh tutup tender ini ialah pada **15hb Mei 2014** bersamaan hari **Khamis jam 12.00 tengah hari**.
- Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta bertanda kenyataan tawaran di sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat seperti berikut :

**Bahagian Bekalan & Perolehan,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
Tingkat 6A, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang.**

- Majlis Perbandaran Kajang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.



BUKTI...

Adun Kampung Tunku, Lau Weng San ditemani Adun Damansara Utama Yeo Bee Yin, Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong dan Adun Bukit Gasing R Rajiv menunjukkan paras air Empangan Sungai Selangor berada ditahap kritikal ekoran taburan hujan di luar kawasan.
BERITA PENUH DI MUKA 15

Gambar oleh Asri Sapfie



Selangor rancang sedia dana untuk rakyat bina rumah sendiri

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Dengan harga rumah yang kini melambung naik, rakyat Selangor berpeluang memohon dana Kerajaan Negeri bagi membina rumah di atas tanah kediaman keluarga.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, bagaimanapun dana itu hanya akan dibuka dalam masa tiga tahun akan datang sementara tumpuan sekarang diberi kepada pembinaan rumah mampu milik.

Katanya, Kerajaan Negeri perlu menggunakan peruntukan RM100 juta daripada rizab terlebih dahulu bagi menjayakan pembinaan rumah mampu milik yang sudah dirancang.

"Kini kita hendak menumpukan kepada rumah mampu milik sebab peruntukan dijangkakan lebih RM300 juta.

"Sebab itu kita gunakan dahulu RM100 juta, jadi bila pembayaran balik pembelian rumah mampu milik dilakukan, kita boleh jadikan sebagai pusingan modal untuk program seterusnya," kata Abdul

Khalid di sidang Dewan Negeri.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan daripada Adun Tanjung Sepat, Mohd Haslin Hassan (BN) berhubung cadangan penubuhan dana khas membiayai golongan yang ingin membina rumah.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri mengumumkan peruntukan RM 100 juta bagi membiayai program Perumahan Mampu Milik atau Rumah Selangorku bagi memberi peluang rakyat negeri ini khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah kediaman.

Projek perintis Rumah Selangorku dibangunkan di sebahagian tanah milik Menteri Besar Incorporated (MBI) yang berkeluasan 28 hektar di Sungai Sering, Hulu Klang memandangkan permintaan untuk rumah mampu milik amat tinggi di kawasan berkenaan.

Lebih 2,000 unit rumah akan dibina menerusi projek perintis ini yang terdiri daripada tiga jenis keluasan iaitu 800 kaki persegi, 900 kaki persegi dan 1,000 kaki persegi.

Selangor beri subsidi bantu miliki rumah

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor memberikan subsidi perumahan kepada pembeli sama seperti yang dilakukan Kerajaan Persekutuan.

Exco Perumahan Selangor, Iskandar Abdul Samad, berkata subsidi ini adalah dalam bentuk harga jualan yang lebih rendah daripada kos pembinaan.

"Contohnya bagi 124 unit rumah mampu milik di Bandar Baru Bangi yang telah siap dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), kos pembinaan sekitar RM130,000 tetapi harga jualan adalah RM100,000.

"Ini bermakna subsidi yang diberikan kepada setiap pembeli adalah RM30,000," katanya

menerusi jawapan bertulis kepada Adun Jeram Datuk Amiruddin Setro.

Selain itu, projek perumahan Bukit Botak atau Selayang Mutiara, seramai 1,196 bekas peneroka bandar telah ditawarkan membeli rumah pada harga RM99,000 walaupun harga pasaran melebihi RM200,000.

Jelasnya, projek Rumah Selangorku yang dilancarkan baru-baru ini akan dijual dengan harga kos.

"Adalah dijangkakan subsidi potongan harga yang dinikmati oleh pembeli kali ini akan melebihi dari RM30,000 yang diberikan oleh program MyHome," kata beliau lagi.